

# Pelajar UMS-KAL bantu pengusaha IKS Labuan

05/10/2011 B3

**S**EBUAH program usahasama antara Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Labuan telah dilaksanakan untuk membangunkan dan memajukan komuniti Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Tadika Perpaduan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Program tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Suani Sura, yang mewakili Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang di Dewan Utama, UMS-KAL, baru-baru ini.

Turut hadir Pengarah JPNIN Labuan, Mimie D Selvakumar, dua Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Dr Stephen Liason Sondoh Jr serta dua Pensyarah SSIL, Jonathan Likoh dan Ryan Macdonell Andrias.

Hadir sama pegawai Jabatan Pertanian Labuan, guru-guru Tadika



**TEMUBUAL...** Pelajar UMS-KAL sedang menemubual pengusaha IKS Labuan mengenai produk mereka diperhatikan Mimie (dari kanan), Suani dan Dr Geoffrey.

Perpaduan, seramai 30 pengusaha IKS dan seramai 224 pelajar SPKAL dan SSIL.

Dr Shariff dalam ucapannya memberitahu bahawa, program usahasama itu merupakan contoh mahasiswa akan dapat mempraktikkan apa yang dipelajari di bilik kuliah dan mengaplikasikan ilmu tersebut bagi membantu

masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, ianya juga seiring dengan saranan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohammed Khaled Nordin yang menyatakan melalui pertemuan dengan masyarakat, pelajar universiti akan menjadi agen perubahan dan boleh menyumbang kepada pembangunan negara secara amnya.



**PENGHARGAAN...** Suani (tiga kiri) menerima cenderamata daripada Mimie sambil diperhatikan oleh (dari kiri) Jonathan, Dr Geoffrey dan Dr Stephen.

Ryan dan Jonathan telah dilantik selama setahun untuk menjadi perunding cara bagi membantu JPNIN melaksanakan program terhadap pengusaha IKS tempatan.

Menurut Dr Ag Asri, dunia Teknologi Maklumat (IT) adalah semakin mencabar dan penggunaan laman web sebagai platform perniagaan terutamanya bagi pengusaha IKS merupakan satu keperluan pada masa kini.

Katanya, media baru seperti facebook, twitter dan blog untuk memasarkan produk pengusaha IKS tempatan sangat berkesan sesuai dengan peredaran zaman selain penggunaannya yang semakin meluas.

Dr Geoffrey yang mengajar subjek Pemasaran Siber berkata, idea usahasama itu

program usahasama itu akan membantu memasarkan produk pengusaha IKS tempatan ke peringkat antarabangsa selain pasaran tempatan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak," kata Dr Geoffrey lagi.

Antara produk yang diusahakan pengusaha IKS

Rukun Tetangga (RT) ialah perkhidmatan kecantikan, minyak kelapa dara, jahitan, kraftangan, perkahwinan, serbuk kunyit dan katering, cendawan, biskut, mee lidi kering, kesihatan dan makanan tambahan, ikan masin, kerepek pisang, kek lapis dan kuih bahulu.



(Gambar atas) **KHUSYUK...** Guru Tadika Perpaduan terbabit dengan pembikinan CD Interaktif.



(Gambar kiri) **PERBINCANGAN...** Mimie (dari kanan), Suani dan Dr Geoffrey melihat perbincangan pelajar bersama pengusaha IKS Labuan.

(Gambar bawah) **SOKONGAN...** Sebahagian pelajar SPKAL dan SSIL yang akan membantu pengusaha IKS.

Sementara itu, Mimie pula berkata projek-projek yang dilaksanakan dalam program berkenaan adalah julung kalinya diadakan membabitkan pelajar, pengusaha IKS dan guru Tadika Perpaduan yang bernaung dengan JPNIN Labuan.

Katanya, lima ahli akademik UMS-KAL termasuk Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Dr Geoffrey, Dr Stephen,

tercetus daripada saranan kerajaan bagi membabitkan pelajar universiti untuk turun padang bagi menyumbang idea dalam menyelesaikan pelbagai isu yang dihadapi masyarakat setempat.

Katanya, terdapat tiga projek utama program itu iaitu Penyediaan Pelan Pemasaran Elektronik bagi IKS, Penyediaan Laman Web dan Pembentukan CD Interaktif.

"UMS-KAL berharap

